

Sumitomo Electric Group

TATAKELAKUAN PEMBEKAL

Jadual kandungan

<p>Komitmen untuk Mematuhi Undang-undang</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Anti Rasuah - Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Persaingan - Kami Mengharapkan Perlindungan Harta Intelek SEG - Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa
<p>Komitmen terhadap Persumberan yang Bertanggungjawab</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penglibatan dengan Rangkaian Bekalan - Mineral Berkonflik - Amalan Persumberan yang Bertanggungjawab dan Mampan
<p>Komitmen terhadap Orang Ramai</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Pekerjaan - Kami Menentang Penggunaan Buruh Paksa - Kami Menentang Penggunaan Buruh Kanak-kanak - Kami Menentang sebarang Bentuk Pemerdagangan Manusia - Kami Menentang Gangguan - Kami Menentang Diskriminasi dan Menggalakkan Kepelbagaian - Kami Menghormati Hak Pekerja untuk Berpersatuan - Kami Komited terhadap Persekitaran Kerja yang Selamat - Kami Mengharapkan yang Data Peribadi akan Dilindungi
<p>Komitmen kepada Masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kami Komited untuk Melindungi Alam Sekitar - Kami Komited untuk Memajukan Komuniti Di mana Kami Beroperasi
<p>Komitmen terhadap Pematuhan dan Etika Perniagaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kami Mengharapkan Pembekal Menyediakan Cara kepada Pekerja untuk Melaporkan Kebimbangan - Kami Mengharapkan Pembekal Mengekalkan Maklumat Perniagaan Yang Tepat - Kami Mengharapkan Pembekal Mengamalkan Inisiatif Pematuhan dan Etika yang Wajar
<p>Isu-isu yang Berkaitan dengan Tatakelakuan Ini</p>	<p>(SEG Talian Hotline) (Audit / semakan / permintaan maklumat) (Kenalan)</p>

Semangat Sumitomo

Banji-nissei – Lakukan yang terbaik dengan jujur, bukan sahaja dalam perniagaan tetapi dalam setiap aspek kehidupan anda.

Shinyo-kakujitsu – Utamakan integriti dan pengurusan yang baik.

Fusu-furi – Jangan sekali-kali korbankan integriti untuk mendapat keuntungan dengan cepat.

Sumitomo Electric Group Tatakelakuan Pembekal

Selama lebih daripada 120 tahun, Sumitomo Electric Group (“SEG”) telah dipandu oleh Semangat Sumitomo, dengan penekanannya ke atas integriti dan etika perniagaan. SEG cuba untuk menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti perniagaan yang adil dan mapan, dan untuk menjalankan perniagaan dengan pembekal yang berkongsi sama komitmennya terhadap integriti dan etika perniagaan.

Tatakelakuan Pembekal ini (“**Tatakelakuan**”) menentukan pengharapan SEG terhadap pembekal kami, yang merangkumi pembekal, subkontraktor, ejen, perunding, pengedar atau mana-mana pihak yang menerima pembayaran daripada SEG untuk produk atau perkhidmatan mereka.

Di SEG, kami mengiktiraf yang pembekal kami memainkan peranan penting dalam kejayaan keseluruhan kami. Kami menghargai sumbangan yang dibuat oleh pembekal kami terhadap perniagaan kami. Kami memilih untuk menjalankan perniagaan dengan pembekal yang berkongsi komitmen kami terhadap integriti dan yang menjalankan perniagaan dengan mematuhi undang-undang. SEG meminta agar pembekal kami menjalankan perniagaan dengan cara yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di bawah ini dan agar mereka mengamalkan pengharapan yang serupa di rangkaian pembekal mereka sendiri.

Komitmen untuk Mematuhi Undang-undang

SEG mengharapkan pembekal kami mengendalikan aktiviti perniagaan mereka dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Anti Rasuah

Rasuah menyebabkan kerosakan besar kepada komuniti, dan ia boleh menyebabkan kerosakan ketara kepada SEG. SEG mengharapkan pembekal kami mematuhi semua undang-undang anti rasuah yang terpakai. Sebagai tambahan, apabila seseorang pembekal berinteraksi dengan pegawai kerajaan bagi pihak SEG, pembekal dilarang sepenuhnya daripada menawarkan, memberi, atau menerima apa-apa yang bernilai, secara langsung atau tidak langsung, untuk mendapatkan kelebihan perniagaan secara tidak betul.

Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Persaingan

SEG komited untuk mematuhi undang-undang persaingan dan antimonopoli, dan kami mengharapkan tahap komitmen yang serupa daripada pembekal kami.

Kami Mengharapkan Perlindungan Harta Intelek SEG

SEG mengharapkan pembekal kami melindungi mana-mana harta intelek SEG yang diperolehi sepanjang hubungan perniagaan kami.

Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa

SEG berbangga menjadi syarikat global dan mempunyai pembekal di seluruh dunia. Kami mengharapkan pembekal kami menghormati undang-undang dan peraturan import dan eksport yang terpakai serta lain-lain keperluan perdagangan antarabangsa.

Komitmen terhadap Persumberan yang Bertanggungjawab**Penglibatan dengan Rangkaian Bekalan**

Pengurusan rangkaian bekalan yang berterusan semakin penting kepada pihak berkepentingan kami, termasuk pelanggan dan pelabur. Kami telah menentukan keperluan sosial dan persekitaran untuk pembekal kami selama bertahun-tahun. Kami akan meneruskan kerjasama kami dengan pembekal, dan kami akan meningkatkan penglibatan kami dalam semua kawasan strategik, untuk meningkatkan keupayaan yang mampan dalam rangkaian bekalan.

Mineral Berkonflik

Secara khusus, SEG memerlukan pembekal kami mengambil langkah-langkah wajar untuk menentukan samada produk mereka mengandungi mineral berkonflik (timah, tantalum, tungsten, dan emas) serta, jika demikian, hendaklah melaksanakan proses untuk mengenal pasti sumber-sumber mineral ini dan sebaliknya tetap mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mengawal selia persumberan dan penggunaan mineral-mineral berkonflik tersebut. Kami mengharapkan pembekal dapat memansuhkan penggunaan mineral berkonflik yang secara langsung atau tidak langsung membiayai atau memanfaati kumpulan-kumpulan bersenjata di Republik Demokratik Kongo (the “DRC”) dan negara-negara di sekitarnya.

Amalan Persumberan yang Bertanggungjawab dan Mapan

DRC juga adalah pengeluar terbesar kobalt dunia. Pengekstrakan kobalt menimbulkan kebimbangan yang serupa dengan mineral berkonflik dan telah menjadi perhatian juga.

Kami menggalakkan pembekal kami menggunakan amalan-amalan yang bertanggungjawab dan mapan dalam mendapatkan semua bahan mentah, termasuk kobalt dan lain-lain mineral. Kami menggalakkan semua pembekal mengambil kira standard antarabangsa yang berevolusi dan perkembangan sehubungan dengan isu-isu alam sekitar, hak asasi manusia, dan lain-lain masalah sosial, terutamanya di kawasan-kawasan yang dilanda konflik dan berisiko tinggi.

Komitmen terhadap Orang Ramai

SEG komited dalam menghormati hak asasi manusia. Komitmen kami termasuk mengenal pasti, mencegah dan mengurangkan kesan buruk aktiviti kami ke atas hak asasi manusia. Kami mengharapkan pembekal kami mempunyai rasa hormat yang sama terhadap hak asasi manusia, termasuk komitmen terhadap standard hak asasi manusia antarabangsa yang diiktiraf secara umum.

Kami Mengharapkan Pematuhan dengan Undang-undang Pekerjaan

SEG mengharapkan pembekal kami mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan waktu bekerja, upah, faedah dan lain-lain terma dan syarat pekerjaan, termasuk kontrak pekerjaan, jika berkaitan.

Kami Menentang Penggunaan Buruh Paksa

SEG tidak akan bekerjasama dengan pembekal yang secara langsung atau tidak langsung menggunakan buruh hamba, atau apa-apa bentuk buruh yang dipaksa, dipujuk atau tidak rela dalam tenaga kerja mereka. Pembekal hendaklah tidak meminta pekerja atau mana-mana tenaga kerja mereka untuk menyerahkan pasport, pengenalan diri yang dikeluarkan oleh kerajaan, atau permit kerja sebagai syarat pekerjaan.

Kami Menentang Penggunaan Buruh Kanak-kanak

SEG tidak akan bekerjasama dengan pembekal yang secara langsung atau tidak langsung menggunakan buruh kanak-kanak secara haram dalam menjalankan perniagaan mereka. Untuk tujuan ini, “kanak-kanak” merujuk kepada sesiapa di bawah umur minimum yang sah untuk pekerjaan di mana kerja itu dilaksanakan, tetapi dalam keadaan apapun SEG tidak akan bekerjasama dengan pembekal yang tenaga kerjanya secara langsung atau tidak langsung merangkumi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.

Kami Menentang sebarang Bentuk Pmerdagangan Manusia

SEG tidak akan bekerjasama dengan pembekal yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam pmerdagangan manusia.

Kami Menentang Gangguan

SEG mengharapkan pembekal kami melayan tenaga kerja mereka dengan maruah dan penghormatan yang berhak dimiliki oleh setiap manusia. Pembekal hendaklah mewujudkan persekitaran kerja yang tidak bertolak ansur dengan gangguan atau lain-lain kelakuan kasar terhadap pekerja.

Kami Menentang Diskriminasi dan Menggalakkan Kepelbagaian

SEG mengharapkan pembekal kami memberikan peluang pekerjaan yang sama kepada pekerja dan pemohon pekerjaan tanpa diskriminasi yang tidak sah berdasarkan bangsa, etnik, asal negara, agama, usia, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

SEG menggalakkan para pembekalnya untuk mempromosikan kepelbagaian dan memupuk budaya yang inklusif dan beretika di tempat kerjanya.

Kami Menghormati Hak Pekerja untuk Berpersatuan

SEG mengharapkan pembekal kami menghormati hak pekerja untuk bersekutu atau tidak bersekutu selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Kami Komited terhadap Persekitaran Kerja yang Selamat

SEG mengharapkan pembekal kami melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja, pelawat, dan lain-lain yang boleh terjejas oleh aktiviti mereka. Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang terpakai di tempat kerja.

Kami Mengharapkan yang Data Peribadi akan Dilindungi

SEG mengharapkan pembekal kami mematuhi semua undang-undang terpakai yang memerlukan perlindungan data peribadi pekerja, pelanggan dan pihak-pihak lain. Sebagai tambahan, pembekal mesti segera memberitahu SEG mengenai mana-mana pelanggaran undang-undang privasi data oleh pembekal atau pihak-pihak lain yang bekerjasama dengan pembekal yang menjejaskan SEG.

Komitmen kepada Masyarakat**Kami Komited untuk Melindungi Alam Sekitar**

SEG komited untuk memelihara alam sekitar dan mengurangkan kesan persekitaran akibat aktiviti kami. Kami mengharapkan pembekal kami juga dapat mengurangkan kesan persekitaran operasi perniagaan mereka, menguruskan risiko bahaya alam sekitar, dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang terpakai. SEG menggalakkan para pembekalnya memberi perhatian khusus kepada: pengurangan gas rumah hijau, peningkatan kecekapan tenaga, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, kecekapan penggunaan tenaga, air dan bahan mentah, dan penerapan proses pengurusan sumber dan pengurangan sisa yang mampan.

Kami Komited untuk Memajukan Komuniti Di mana Kami Beroperasi

Salah satu prinsip korporat SEG adalah bahawa kami menyumbang untuk mewujudkan masyarakat dan persekitaran yang lebih baik, dengan kesedaran yang tegas mengenai tanggungjawab sosial kami. Kami mengharapkan komitmen yang serupa daripada pembekal kami.

Komitmen terhadap Pematuhan dan Etika Perniagaan

Kami Mengharapkan Pembekal Menyediakan Cara kepada Pekerja untuk Melaporkan Kebimbangan

SEG mengharapkan para pembekalnya menyediakan cara untuk pekerja mengetengahkan pengesyaan terhadap pelanggaran undang-undang atau lain-lain kebimbangan tanpa rasa takut dengan pembalasan. Kami juga mengharapkan yang pembekal akan menjawab kebimbangan yang diketengahkan dengan sewajarnya.

Kami Mengharapkan Pembekal Mengekalkan Maklumat Perniagaan Yang Tepat

Kami mengharapkan pembekal melengkapkan semua dokumen perniagaan (termasuk dokumen kualiti) dengan tepat, jujur, dan tepat pada masanya. Kami juga mengharapkan pembekal kami membuat pendedahan yang penuh, adil, tepat, dan tepat pada masanya dalam laporan dan dokumen yang diajukan kepada pengawal selia kerajaan, termasuk apa-apa laporan kewangan berkala. Kami mengharapkan bahawa, jika terpakai, dokumen pembekal mestilah diberi izin dengan sewajarnya. Di samping itu, kami mengharapkan bahawa apa-apa perekodan aktiviti kewangan pembekal adalah mematuhi undang-undang dan amalan perakaunan yang terpakai. Pembekal tidak boleh membuat entri palsu atau mengelirukan dalam dokumen dan rekod mereka dan tidak sekali-kali meninggalkan maklumat daripada rekod mereka yang wajib mereka rekodkan.

Kami Mengharapkan Pembekal Mengamalkan Inisiatif Pematuhan dan Etika yang Wajar

Sejauh mungkin dan dengan cara yang sesuai dengan ukuran dan sifat perniagaan mereka, SEG mengharapkan pembekal menerapkan program pematuhan dan etika mereka sendiri yang berkesan. SEG menggalakkan para pembekalnya untuk melaksanakan tatakelakuan mereka sendiri dan untuk memupuk budaya pematuhan dan etika perniagaan dalam organisasi mereka, termasuk menghindari konflik kepentingan.

Isu-isu yang Berkaitan dengan Tatakelakuan Ini

Pembekal (atau pekerjanya) boleh memberitahu SEG mengenai permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu yang dikawal selia oleh Tatakelakuan ini. Sekiranya terdapat kebimbangan di bawah Tatakelakuan ini, kami menganjurkan anda menghubungi kontak perniagaan utama anda. Sekiranya itu tidak bersesuaian, sila hubungi hotline di <https://sumitomelectric.com/compliance-hotlines>.

SEG berhak untuk melakukan audit/semakan semula ke atas pembekal untuk memastikan kepatuhan kepada Kod ini.

Oleh kerana SEG berusaha untuk menjalankan perniagaan dengan pembekal yang mempunyai komitmen yang sama dengan kami dalam mematuhi undang-undang dan etika, amalan perniagaan yang bertanggungjawab, kami akan menyemak syarat hubungan perniagaan kami sekiranya kami menyedari bahawa pembekal telah melanggar undang-undang atau gagal mematuhi Tatakelakuan ini . Untuk tujuan ini, SEG boleh meminta maklumat yang berkaitan dengan pematuhan pembekal kami terhadap Tatakelakuan ini.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai Tatakelakuan ini, jangan ragu untuk menghubungi scoc-queries@info.sei.co.jp.